

Oleh Nadzim Ahmad
Jamalludin, Mohd Izawan
Baharin, Rudy Syareme
Sherifudin dan Shafezah
Abdul Wahab

am@hmetro.com.my

PENGUNDIAN ELEKTRONIK BERKESAN

16 SEPTEMBER 2004

HARIAN METRO

40

KUALA LUMPUR: Pilihan raya kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi 2004/2005 berjalan lancar dengan peratus pelajar yang mengundi agak tinggi, semalam.

Sehingga jam 4 petang, tiada sebarang kejadian berlaku dengan purata lebih 50 peratus pelajar keluar mengundi, malah ada IPTA mencatatkan lebih 90 peratus pelajar mengundi.

Langkah kebanyakan IPTA menjalakan sistem pengundian secara elektronik (e-voting) sepenuhnya kali ini selain memudahkan perjalanan proses pilihan raya kampus, turut meningkatkan sambutan di kalangan pelajar.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, berpuas hati dengan perjalanan pilihan raya di universiti itu apabila 89 peratus daripada kira-kira 22,000 pelajarannya, termasuk 1,200 di kampus Bintulu, mengundi sehingga jam 4 petang semalam.

Beliau menjangkakan bilangan pelajar yang keluar mengundi kali ini meningkat berbanding 90.3 peratus tahun lalu apabila waktu peng-

**PILIHAN RAYA
KAMPUS**

undian ditutup pada jam 5.45 petang.

Pengundian undi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga berjalan lancar dengan kira-kira 70 peratus daripada 17,386 pelajarannya keluar mengundi.

Pengurus Pilihan Raya UKM, Abd Aziz Kamil, berkata walaupun pelajar tidak diwajibkan mengundi, merit akan diberikan kepada

mereka yang berbuat demikian sebagai galakan, selain pemberian minuman ringan dan cabutan bertuah.

Pegawai Pilihan Raya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jamaliah Mohd Taib, pula berkata kira-kira 60 peratus daripada 25,000 pelajar IPTA itu mengundi di kampus Skudai, Johor serta Kampus Kota Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Pesuruhjaya Pilihan Raya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Abu Bakar Sidek, berkata hampir 85 peratus daripada 13,000 pelajar membuang undi di kampusnya di Gombak dan Bandar Indera

Mahkota, Kuantan.

Di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata 88 peratus daripada 100,000 pelajar di 14 kampus cawangannya di seluruh negara turut mengundi dan mengesahkan tiada sebarang kejadian tidak diingini.

Tiada pengundian dijalankan di dua IPTA kali ini iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (Kukum) kerana masing-masing 39 dan 18 kerusi yang diperuntukkan dimenangi tanpa bertanding.

Mudahkan
laksana
proses undi